



Suspek di bawa ke Mahkamah Majistret Sungai Petani, semalam.

(Foto Izad Tjaqif Hassan/BH)

Lelaki tendang, baling batu pada kucing direman 3 hari

BERITA HARIAN ms: 20 22/6/2022

Sungai Petani: Seorang lelaki yang menyeksa kucing dengan menendang dan membaling batu kepada haiwan terbabit direman selama tiga hari, bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 27 tahun itu dikeluarkan Majistret Noor Fazlina Musa di Mahkamah Majistret Sungai Petani, semalam.

Suspek direman mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara tiga ta-

hun atau denda atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu, suspek yang ber-baju T merah dan berseluar panjang gelap tiba di kompleks mahkamah dengan tangan bergari dan menutup wajahnya ketika dirakam kamera.

Kelmarin, video rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan perbuatan kejam suspek terhadap dua kucing di kaki lima sebuah kedai di Semeling tular di media sosial.

Perbuatannya itu menimbulkan pelbagai reaksi daripada

orang ramai yang mengesam tindakannya terbabit sebelum seorang lelaki membuat laporan polis.

Susulan itu, suspek ditahan jam 1.29 petang di rumahnya di Kampung Pengkalan Bujang, Merbok dan ketika disiasat dia mendakwa tertekan serta mengalami gangguan emosi kerana tidak mempunyai pekerjaan.

Ahli keluarga juga mendakwa lelaki berkenaan sebelum ini adalah seorang pencinta kucing dan banyak memelihara haiwan terbabit di rumah.